

BAB 4

ANALISIS KESILAPAN

4.1 Pendahuluan

Analisis keputusan kajian adalah berdasarkan kepada data-data yang dikumpul, iaitu :

- i) Karangan yang ditulis oleh subjek.
- ii) Kertas peperiksaan yang dilengkapkan oleh subjek.

Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh subjek-subjek dalam karangan mereka dapat dikategorikan kepada jenis-jenis berikut :

- a) Kesilapan Tulisan.
- b) Kesilapan Tatabahasa.
- c) Kesilapan Perbendaharaan kata.
- d) Kesilapan Penjodoh Bilangan.

Sebenarnya terdapat juga kesilapan-kesilapan lain seperti kesilapan tanda bacaan, menulis tarikh, masa, tetapi semua ini tidak akan dibincang dalam tesis ini kerana pengkaji hanya memberi tumpuan kepada empat

kesilapan yang disebut di atas. Keempat-empat bidang ini adalah amat penting bagi seseorang pelajar untuk menguasai bahasa Cina sebagai bahasa sasaran.

Jadual 4.1 : Kekerapan Kesilapan Dalam Karangan

NO	Jenis-Jenis Kesilapan	Jumlah	Peratusan
1	Kesilapan Tulisan	174	49.7%
2	Kesilapan Tatabahasa	117	33.4%
3	Kesilapan Perbendaharaan Kata	54	15.4%
4	Penjodoh Bilangan	5	1.5%
	Jumlah	350	100%

Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh subjek-subjek dalam kertas peperiksaan dikategorikan kepada 4 jenis.

- a) Mengenal Perkataan 字 辨 'zì biàn'
- b) Menyusun Semula Ayat 词 句 重 组 'cíjù chóngzǔ'
- c) Pemilihan Frasa 选 词 'xuǎn cí'
- d) Penjodoh Bilangan 量 词 'liàngcí'

Jadual 4.2 : Kekerapan Kesilapan Dan Jumlah Yang Betul Dalam Kertas Peperiksaan

NO	Jenis-Jenis Kesilapan	Jumlah Kesilapan	Peratus	Jumlah Yang Betul	Peratus
1	Mengenal Perkataan	177	59.0%	123	41.0%
2	Menyusun Semula Ayat	244	81.3%	56	18.7%
3	Pemilihan Frasa	160	53.3%	140	46.7%
4	Penjodoh Bilangan	128	42.7%	172	57.3%
	Jumlah	709	59.08%	491	40.92%

Jadual 4.1 menunjukkan jumlah kesilapan yang dilakukan oleh subjek-subjek dalam karangan adalah 350 kali. Kekerapan kesilapan yang tertinggi ialah kesilapan tulisan iaitu 174 kali (49.7%) diikuti dengan kesilapan tatabahasa iaitu 117 kali (33.4%), Kesilapan perbendaharaan kata iaitu 54 kali (15.4%) dan kesilapan penjodoh bilangan 5 kali (1.5%) sahaja.

Jadual 4.2 pula menunjukkan jenis-jenis kesilapan dan kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh subjek-subjek dalam kertas peperiksaan. Didapati subjek-subjek melakukan kesilapan yang terbanyak dalam menyusun semula ayat iaitu 244 kali (81.3%), Kedua ialah mengenal perkataan iaitu 177 kali (59%), diikuti dengan pemilihan frasa, 160 kali (53.3%), dan penjodoh bilangan, 128 kali (42.7%).

Dari jadual 4.1 dan jadual 4.2, dapatilah bahawa pelajar-pelajar dapat menguasai penjodoh bilangan dengan agak baik. Perkara yang paling rumit bagi mereka ialah menulis atau mengenal perkataan dan tatabahasa atau menyusun semula ayat.

Pengkaji akan membincangkan satu demi satu mengikut kategori yang dibahagi seperti di jadual 4.1. Data yang dikumpul akan diteliti untuk melihat pola kesilapan yang

dilakukan oleh subjek. Data itu kemudiannya diinterpretasi dan diuraikan secara deskriptif. Keputusan-keputusan yang terdapat dalam jadual 4.2 akan digunakan sebagai bahan tambahan bagi memperkuatkan fakta-fakta perbincangan serta mengelakkan subjek-subjek menggunakan strategi pengelakkan.¹

4.2 Kesilapan Tulisan

Kesilapan tulisan yang dilakukan oleh pelajar ialah 49.6%, Kesilapan tersebut dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu :

- i) Tulisan Yang Salah 错字 'cuòzì'
- ii) Tulisan Yang Tidak Tepat 别字 'biézì'

Jadual 4.3 : Kekerapan Kesilapan Tulisan

Kesilapan Tulisan	Tulisan yang Salah	Tulisan yang Tidak Tepat	Jumlah
Kekerapan	60	114	174
Peratusan	34.5%	65.5%	100%

¹ Apabila bertutur atau menulis dalam bahasa sasaran, penutur atau penulis itu akan mengelakkan perkataan atau ayat-ayat yang sukar atau kurang pasti dan digantikan dengan kata atau ayat yang mudah. Ini digelar sebagai strategi pengelakkan. Sebagai contoh; pelajar itu kurang pasti tentang penggunaan 'kata penghubung' dalam bahasa Melayu mungkin akan mengelakkannya dengan menggunakan dua ayat yang mudah seperti : Ini adalah pencil saya, saya menggunakananya untuk menulis. Sebenarnya boleh diganti dengan : Saya menulis dengan pencil.

4.2.1 Tulisan Yang Salah

Tulisan yang salah ialah tulisan yang tidak dapat dikenali. Dengan kata lain, jenis tulisan ini tidak terdapat dalam tulisan Cina . Tulisan yang salah ini merupakan ciptaan baru subjek. Jenis tulisan ini dapat dibahagikan kepada tiga jenis.

- a) Kesilapan Radikal dan komponen Tulisan Cina " 部首及偏旁之误 " 'bùshǒu jí piānpáng zhī wù'
- b) Gerakan Yang Berlebihan 加笔之误 'jiābì zhī wù'
- c) Gerakan Tercicir 缺笔之误 'quēbì zhī wù'

Jadual 4.4 : Kekerapan Tulisan Yang Salah

Tulisan Yang Salah	Kesilapan Radikal dan Komponen	Gerakan Berlebihan	Gerakan Tercicir	Jumlah
Kekerapan	34	14	12	60
Peratusan	56.6%	23.4%	20%	100%

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa 56.6% daripada kesilapan tulisan yang salah merupakan kesilapan radikal dan komponen, diikuti dengan gerakan berlebihan (23.4%) dan gerakan tercicir (20.0%).

4.2.1.1 Kesilapan Radikal dan Komponen

Berikut merupakan contoh-contoh bagi kesilapan radikal yang dihasilkan oleh subjek.

	Salah	Betul	Bunyi	Makna
1	婆婆	婆婆	pópo	nenek

Perkataan "婆" merupakan perkataan gabungan (合体字) 'hétǐzì', iaitu gabungan antara perkataan "波" 'bō' dan "女" 'nǚ'. "波" 'bō' memberi bunyi kepada perkataan "婆" 'pó'. "女" 'nǚ' pula ialah perempuan iaitu menunjukkan maknanya. Oleh itu "婆" seharusnya bertempat di sebelah kiri atas dan bukan di sebelah kiri. Kesilapan ini menukar radikal "女" kepada "丿". Kesilapan tersebut juga disebut sebagai kesilapan perubahan atau pemindahan tempat ("移位" 'yíwèi') iaitu memindahkan "丿" itu ke bawah.

	Salah	Betul	Bunyi	Makna
2	最	最	zuì	paling

Perkataan "最" 'zuì' juga merupakan gabungan antara perkataan "日" 'mào' dan "取" 'qú', "又" 'yòu' seharusnya berada di sebelah bawah kanan dan

bukannya ditengah kanan. Kesilapan ini juga disebabkan oleh perubahan atau pemindahan tempat.

Kedua-kedua contoh di atas menunjukkan kegagalan subjek meletakkan radikal dan komponen di tempat yang sesuai.

	Salah	Betul	Bunyi	Makna	Keterangan
3	脚	脚	jǐǎo	kaki	Komponen " 月 " menjadi " 足 " .
4	滑	滑	huá	licin	Radikal " 氵 " menjadi " 幺 " .
5	株株	妹妹	mèimei	adik perempuan	Radikal " 女 " menjadi " 木 " .
6	根	跟	gēn	mengikut	Radikal " 王 " menjadi " 木 " .

Contoh-contoh di atas menunjukkan kekeliruan radikal dan komponen dalam tulisan cina.

	Salah	Betul	Bunyi	Makna	Keterangan
7	扌	扠	sǎo	Menyapu	Komponen yang ditulis terbalik, " 扌 " menjadi " 扌 " .
8	烟	烟	yān	asap	Komponen " 火 " ditulis sebagai " 灬 " kerana bentuknya yang agak sama.
9	游	游	yóu	berenang	Komponen " 手 " menjadi " 又 " .
10	盒	盒	hé	kotak	Terlupakan struktur tulisan " 盂 " dijadikan " 目 " .

Contoh-contoh di atas menunjukkan subjek-subjek terlupa tentang struktur tulisan cina yang sebenar dan digantikannya dengan radikal atau komponen yang agak sama bentuknya.

4.2.1.2 Gerakan Berlebihan

	Salah	Betul	Bunyi	Makna	Keterangan
1	晚	晚	wǎn	malam	"日" menjadi "月"
2	礼	礼	lǐ	hadiah	"宀" menjadi "夊"
3	视	(电)视	shì	telivisyen	"夊" menjadi "夲"
4	玩	玩	wán	main	Berlebihan komponen "宀"
5	喝	喝	hē	minum	"日" menjadi "口"
6	捉	捉	zhuō	menangkap	Berlebihan gerakan " - "
7	看	看	kàn	melihat	gerakan "ノ" tidak seharusnya melalui gerakan jatuh kiri yang pertama.
8	候	候	hòu	menunggu	Berlebihan gerakan "丨" di atas.
9	始	始	shǐ	bermula	"厃" menjadi "夊".
10	再	再	zài	lagi	Berlebihan gerakan " - " ditengah.

Gerakan yang berlebihan dalam contoh 1 hingga 3 di atas juga menyebabkan berlakunya kesilapan radikal, iaitu menukar radikal "宀" kepada "日" dan radikal "夊"

kepada " " . Walau bagaimanapun pengkaji menggolongnya dalam gerakan berlebihan.

4.2.1.3 Gerakan Tercicir

	Salah	Betul	Bunyi	Makna	Keterangan
1	送	送	sòng	menghadi-ahkan	Tercicirnya gerakan " " di sebelah kanan atas.
2	好	好	hǎo	baik	Tercicirnya gerakan mendatar di radikal "女".
3	凢	恐 (怖)	kǒng	ketakutan	Tercicirnya " " di bawah. " " bermaksud hati iaitu ketakutan adalah dari hati.
4	戚	(亲) 戚	qī	relatif	" " menjadi " \ ".
5	袖	(领) 袖	xiù	pemimpin	" " menjadi " ".
6	鞭	鞭	biān	memukul	Tercicinya gerakan " " di sebelah kanan atas.
7	晚	晚	wǎn	malam	Seharusnya " " dan bukan " " .
8	盒	盒	hé	kotak	Tercicirnya gerakan " " .
9	然	(虽) 然	rán	walaupun	Terlupanya titik " " iaitu " " dijadikan " " .
10	家	家	jiā	keluarga	Radikal " " dijadikan " " .

Tercicirnya satu titik dalam contoh kelima juga menyebabkan kesilapan radikal .Walau bagaimanapun, pengkaji menggolongkannya ke dalam bahagian gerakan tercicir.

4.2.2. Tulisan Yang Tidak Tepat

Tulisan yang tidak tepat ialah tulisan yang terdapat dalam tulisan Cina , tetapi tulisannya digunakan di tempat yang tidak tepat iaitu tidak secocok dengan maksud asasnya. Tulisan yang tidak tepat terbahagi kepada tiga jenis iaitu :

- (a) Bunyi Yang Berdekatan
- (b) Bentuk Yang Hampir Sama
- (c) Bentuk dan Bunyi Yang Hampir Sama

Jadual 4.5 : Kekerapan Tulisan Yang Tidak Tepat

Tulisan Yang Tidak Tepat	Bunyi Yang Berdekatan	Bentuk Yang Hampir Sama	Bentuk dan Bunyi Yang Sama	Jumlah
Kekerapan	62	37	15	114
Peratusan	54.4%	32.5%	13.1%	100%

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa punca utama yang menyebabkan berlakunya tulisan yang tidak tepat ialah bunyi yang berdekatan. Terdapat 54.4% subjek yang

melakukan kesalahan ini dan diikuti oleh bentuk yang hampir sama sebanyak 32.5% serta bentuk dan bunyi yang hampir sama ,13.1%.

4.2.2.1 Bunyi Yang Berdekatan

Bunyi yang berdekatan ialah bunyi dan nada sesuatu perkataan itu hampir-hampir sama atau sama sekali tetapi bentuk tulisan dan makna serta kegunaan tulisan tersebut adalah berbeza. Contohnya :

Betul	ditulis sebagai	Salah
1. shí (masa)	时	→ 是 shì (ialah)
2. huí (balik)	回	→ 会 huì (boleh)
3. biān(tepi)	邊	→ 便 biàn (pun)
4. wán (habis)	完	→ 晚 wǎn (malam)
5. de (punya)	的	→ 得 dé (dapat)

Contoh-contoh di atas merupakan tulisan cina yang bunyinya sama tetapi nadanya berlainan.

Betul	ditulis sebagai	Salah
6. jiǔ (lama)	久	→ 九 jiǔ (sembilan)
7. yǒu (kawan)	友	→ 有 yǒu (ada)
8. wán (habis)	完	→ 玩 wán (main)
9. zuò (duduk)	坐	→ 做 zuò (buat)

Contoh-contoh di atas merupakan tulisan Cina yang mempunyai bunyi dan nadanya sama.

4.2.2.2 Bentuk Yang Hampir Sama

Bentuk yang hampir sama ialah bentuk tulisan tersebut berdekatan tetapi bunyi dan maknanya berbeza.

Betul	Ditulis sebagai	Salah
1. 处 (罚) chǔ (mendenda)	→ 外 wǎi (luar)	
2. 讲 jiǎng (cakap)	→ 进 jìn (masuk)	
3. 村 cūn (kampung)	→ 付 fù (membayar)	
4. 今 jīn (hari ini)	→ 令 lìng (perintah)	
5. 边 biān (tepi)	→ 达 dá (sampai)	
6. 休(息) xiū (rehat)	→ 体 tǐ (badan)	
7. 使 shǐ (menjadikan)	→ 便 biàn (mudah)	
8. 跌 diē (jatuh)	→ 跃 yuè (lompat)	
9. 为(什 么) wèi (kenapa)	→ 办 bàn (mengedalikan)	

4.2.2.3 Bentuk Dan Bunyi Yang Hampir Sama

Bentuk dan bunyi hampir sama ialah perkataan tulisan Cina itu bukan sahaja struktur tulisannya hampir sama malah bunyinya juga berhampiran atau sama. Contoh :

Betul	ditulis sebagai	Salah
1. 汽 (车) qì (kereta)	→ (生) 气 qì (marah)	
2. (星) 期 qī (minggu)	→ 欺 qī (tipu)	
3. 弟 (弟) dì (adik lelaki)	→ 第 dì (kedudukan)	
4. 厨 (房) chú (dapur)	→ 櫃 chú (almari)	
5. 缤 (纷) bīn (kelimpahan)	→ (海) 滨 bīn (laut)	
6. 呕 ōu (muntah)	→ 欧(洲) ōu (Eropah)	
7. (家)庭 tíng (keluarga)	→ (朝)廷 tíng (Diraja)	
8. 放 fàng (letak)	→ 方 fāng (segi)	
9. 婆 (婆) pō (nenek)	→ 波 (波) bō (gelombang)	
10. 已 yǐ (telah)	→ 己 jǐ (sendiri)	

contoh-contoh 1-5 merupakan contoh bentuk yang hampir sama dan bunyi yang sama . Manakala contoh-contoh 6-10 ialah contoh yang mempunyai bentuk dan bunyi yang hampir sama.

Berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi, terdapat dua jenis kesilapan tulisan iaitu tulisan yang salah dan tulisan yang tidak tepat. Punca utama yang menyebabkan berlakunya tulisan yang salah ialah kekeliruan terhadap radikal dan komponen bahasa Cina serta kurang pasti tentang sesuatu tulisan. Kadang-kadang pelajar menggabungkan dua perkataan dan dijadikan satu seperti "玩" 'wán' (main) ditulis sebagai "完". "完" 'wán' bermakna habis . Radikal "宀" dan "宀" juga amat mengelirukan subjek. Sebenarnya jika mempunyai pengetahuan tentang asal-usul dan maksud radikal

tersebut, masalah ini dapat diselesaikan. Radikal "衹" membawa maksud perkara yang berkaitan dengan Tuhan. Oleh itu, perkataan yang berkaitan dengan Tuhan menggunakan radikal "衹", seperti "神" 'shén' (Tuhan), "福" 'fú' (tuah kurniaan tuhan), "祀" 'sì' (menyembah kepada Tuhan-tuhan atau nenek moyang yang telah meninggal) dan sebagainya. Radikal "衹" pula membawa maksud baju. Oleh itu perkara yang berkaitan dengan baju biasanya terdapat radikal "衹", seperti : "袖" 'xiù' (lengan baju), "袍" 'páo' (jubah), "裤" 'kù' (seluar) dan perkara-perkara lain. Kesilapan ini boleh juga dikatakan sebagai kesilapan penampilan iaitu kesilapan berlaku kerana pelajar itu terlupa atau timbulnya kekeliruan. Kekeliruan ini berlaku mungkin juga disebabkan oleh bentuk tulisan yang amat kompleks. Struktur tulisan Cina yang kompleks ini menyebabkan pelajar-pelajar sukar mengingatinya. Namun demikian, kekeliruan ini bersifat sementara dan mungkin terjadi pada setiap peringkat linguistik. Kekeliruan tersebut biasanya dapat dibaiki oleh pelajar sendiri apabila sedar atau menumpukan perhatian kepada teknik-teknik belajar bahasa Cina.

Dari jadual 4.3, kita dapati bahawa kebanyakan kesilapan tulisan yang dilakukan oleh subjek adalah tulisan yang tidak tepat iaitu 65.5% jika dibandingkan

dengan tulisan yang salah iaitu 34.5%. Di sini jelas kelihatan kesilapan tulisan berlaku kebanyakannya dibatasi oleh struktur tulisan Cina dan bukan menulis secara sebarang. Seperti apa yang didapati dalam kajian Richards (1971)² mendapati bahawa salah satu punca utama berlakunya kesilapan semasa mempelajari bahasa sasaran ialah kejahanan tentang batasan-batasan peraturan bahasa dan juga membentuk hipotesis dengan konsep yang salah. Walaupun bahasa sasaran kajian Richards ialah bahasa Inggeris, tetapi hujah-hujahnya dapat digeneralisasikan kepada kesilapan yang berlaku dalam bahasa Cina. Jika pelajar-pelajar tidak mempunyai pengetahuan tentang batasan-batasan dan peraturan bahasa Cina dan membentuk hipotisis dengan konsep yang salah, mereka tentu akan melakukan kesilapan apabila menggunakan sesuatu perkataan.

Alias Shamsuddin (1969)³ mengatakan bahawa selain daripada gangguan bahasa ibunda, kaedah pembelajaran dan pengajaran yang kurang berkesan serta akibat daripada kekeliruan analogi bentuk-bentuk yang telah di pelajari mereka juga merupakan punca utama kesilapan. Justeru, bagi mengelakkan berlakunya kesalahan tulisan, guru-guru harus memberi tumpuan terhadap cara menulis tulisan Cina

² J. C. Richards. *Loc. Cit.*

³ Alias Shamsuddin. *Loc. Cit.*

dan memberi keterangan terhadap keunikan bentuk tulisan tersebut. Pelajar-pelajar pula harus menumpukan perhatian dan berhati-hati semasa melatih menulis tulisan Cina. Gerakan-gerakan tulisan Cina mempunyai susunannya yang tertentu. Pelajar-pelajar harus mengikutinya dengan teliti. Gerakan yang harus ditulis terdahulu dan kemudian mesti diikuti dengan tepat.

Empat nada⁴ yang terdapat dalam bahasa Cina amat mengelirukan pelajar-pelajar. Satu bunyi dalam bahasa Cina jika diletakkan dengan nada yang berlainan, maka maknanya juga akan berbeza. Sebagai contoh: "媽" 'mā' (emak), "麻" 'má' (fleks), "馬" 'mǎ'(kuda), "罵" 'mà' (marah) dan "師" 'shī' (guru), "時" 'shí' (masa), "史" 'shǐ' (sejarah), "是" 'shì' (ialah) dan perkataan-perkataan lain. Oleh sebab bahasa ibunda pelajar-pelajar Melayu bukan merupakan bahasa yang bernada, dengan itu, keadaan ini menimbulkan satu jurang yang besar di antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran. Perbezaan bahasa ini menyebabkan pelajar-pelajar Melayu sukar menguasai empat nada bahasa Cina. Lanjutan daripada itu, tulisan yang tidak tepat sering berlaku. Keputusan ini menunjukkan bahawa perbezaan antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran telah membawa kerumitan bagi pelajar.

⁴ Empat nada yang asas dalam bahasa Cina menggunakan empat simbol bagi membezakan iaitu "—" (nada pertama), "/" (nada kedua), "√" (nada ketiga) dan "\\" (nada keempat).

Hasil kajian ini adalah selaras dengan kajian Alias Shamsuddin (1969)⁵ yang mendapati bahasa ibunda adalah punca utama yang menyebabkan berlakunya kesilapan bahasa. Kenyataan ini disokong oleh ahli-ahli analisis kontrastif. Mereka menganggap bahasa ibunda merupakan punca gangguan dan kesilapan itu dianggap sebagai pemindahan negatif dari bahasa ibunda kepada bahasa sasaran.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini fokus tumpuan bukan hanya berpusat kepada 'interlingual' sahaja. Faktor 'intralingual' harus dititikberatkan juga. Seperti yang dimaklumkan, gerakan-gerakan tulisan Cina adalah amat kompleks. Satu titik atau satu gerakan yang berlebihan atau tercicir akan di tukar kepada perkataan yang lain seperti "休" 'xiū'(rehat) dan "体" 'tǐ' (badan), "未" 'wèi' (belum) dan "末" 'mò' (akhir), "士" 'shì'(orang yang berpengetahuan) dan "土" 'tǔ' (tanah). Di sini, jelas kelihatan kesilapan tulisan bukan sahaja merupakan kesilapan 'interlingual' tetapi juga merupakan kesilapan 'intralingual'. Oleh itu kita bukan sahaja harus membandingkan perbezaan antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran bahkan juga harus meneliti kerumitan bahasa sasaran tersebut. Seperti apa yang dihujahkan oleh Wolfe (1967)⁶, perbandingan terpenting yang harus

⁵ Alias Shamsuddin. *Loc. Cit.*

⁶ D. K. Wolfe. *Loc. Cit.*

dibuat oleh pelajar bukanlah perbandingan di antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran tetapi perbandingan dibuat dalam bahasa sasaran itu sendiri. Dengan kata lain, bukan semua kesilapan wujud akibat daripada pemindahan negatif bahasa ibunda tetapi akibat daripada kesukaran dalam sistem bahasa sasaran itu sendiri.

4.2.3 Perbandingan Antara Kesilapan Tulisan Mengikut Darjah

Jadual 4.6 : Kekerapan Kesilapan Tulisan Dalam Karangan Mengikut Darjah

Jenis kesilapan Darjah	Tulisan Yang Salah	Tulisan Yang Tidak Tepat	Jumlah
4	20	37	57
5	19	35	55
6	21	41	62
Jumlah	60	113	174

Jadual 4.7 : Kekerapan Kesilapan Manganal Perkataan Dalam Kertas Peperiksaan Mengikut Darjah .

Kekerapan Darjah	Jumlah Yang Salah	Jumlah Yang Betul	Jumlah
4	57	43	100
5	58	42	100
6	62	38	100
Jumlah	177	123	300

Jadual 4.6 menunjukkan bahawa kekerapan kesilapan tulisan yang paling tinggi adalah dilakukan oleh subjek-subjek darjah 6 , iaitu 62 kali. Jurang kesilapan yang dilakukan oleh subjek-subjek darjah 4 dan 5 adalah kecil, iaitu 57 kali bagi subjek darjah 4 dan 55 kali bagi darjah 5 .

Keputusan yang agak sama juga didapati dalam jadual 4.7 iaitu jumlah kesilapan yang paling tinggi dilakukan oleh subjek darjah 6 iaitu 62 kali. Jumlah kesilapan yang dilakukan oleh subjek darjah 4 dan subjek darjah 5 adalah lebih kurang sama iaitu 57 kali dan 58 kali masing-masing.

Berdasarkan kedua-dua keputusan di atas, kita dapat bahawa subjek yang berada di darjah yang lebih tinggi akan melakukan kesilapan tulisan atau mengenal perkataan dengan kekerapan yang lebih tinggi. Keadaan sedemikian adalah kerana bahasa Cina merupakan bahasa berstruktur (*structural language*) dan bukan bahasa fonetik. Oleh itu apabila mempelajari bahasa Cina dalam jangka masa yang lebih panjang, maka lebih banyak perkataan atau tulisan akan dipelajari. Mengetahui atau mempelajari lebih banyak tulisan atau perkataan bahasa Cina akan mengakibatkan kekeliruan. Sifat bahasa Cina yang strukturnya berdekatan dan bunyi yang hampir sama adalah

sukar dikuasai dengan sepenuhnya. Dengan kata lain, boleh di katakan lebih banyak belajar bahasa Cina, lebih banyak kesilapan tulisan akan berlaku.

Selain itu, mengikut pemerhatian pengkaji terhadap karangan yang ditulis oleh subjek didapati bahawa pada keseluruhannya subjek-subjek di darjah 4 hanya menggunakan perkataan-perkataan yang diketahui oleh mereka dan elak mengguna perkataan-perkataan yang kurang pasti. Ini jelas kelihatan dalam karangan mereka yang hanya terdapat satu atau dua ayat. Bagi subjek-subjek darjah 5 pula , didapati kebanyakkan karangan-karangan yang ditulis oleh mereka menunjukkan prestasi yang baik. Keadaan ini berlaku kerana secara kebetulan dalam kumpulan darjah ini, terdapat lebih banyak pelajar-pelajar yang menunjukkan keputusan yang lebih baik dalam bahasa Cina di sekolah mereka. Manakala bagi subjek-subjek darjah 6 pula mereka cuba menggunakan perkataan-perkataan yang telah pelajari tetapi belum dapat menguasai dengan sepenuhnya.

4.3 Kesilapan Tatabahasa

Kesilapan tatabahasa adalah kesilapan yang menunjukkan suatu kejanggalan di dalam morfologi (perkataan) atau sintaksis (posisi dalam ayat) di dalam bahasa itu. Dari

segi kekerapan , kesilapan tatabahasa hanya berada di tempat kedua, sebenarnya pengkaji sukar untuk mencari ayat purna bentuk (*well form*) daripada karangan-karangan yang dihasilkan oleh subjek. Terdapat berbagai-bagai jenis kesilapan di dalam tatabahasa termasuk tercicirnya perkataan dalam ayat, perkataan yang berlebihan dan juga kesilapan susunan ayat.

Jadual 4.8 : Kekerapan Kesilapan Tatabahasa Dalam Karangan

Kesilapan Tatabahasa	Perkataan Yang Tercicir	Perkataan Yang Berlebihan	Kesilapan Struktur Ayat	Jumlah
Kekerapan	53	22	42	117
Peratusan	45.3%	18.8%	35.9%	100%

Dari jadual 4.8, kita dapati bahawa kesilapan tatabahasa yang tertinggi ialah perkataan yang tercicir iaitu 53 kali (45.3%) diikuti dengan kesilapan struktur ayat iaitu 42 kali (35.9%) dan menulis perkataan yang berlebihan iaitu 22 kali (18.8%). Pengkaji akan membincangkan satu demi satu mengikut kategori yang dibahagikan seperti di jadual 4.8.

4.3.1 Perkataan Tercicir

Perkataan tercicir ialah perkataan itu seharusnya berada dalam ayat tersebut supaya menjadikan ayat purna

bentuk, tetapi subjek-subjek meninggalkan perkataan tersebut. Terdapat beberapa punca yang menyebabkan subjek melakukan kesilapan perkataan seperti berikut :

4.3.1.1 Kekurangan Pengetahuan Tentang Struktural Partikal Bahasa Cina

Perkataan " 的 " 'de' dalam bahasa cina terdapat banyak penggunaannya . Antaranya ialah memainkan peranan 'punya' dalam bahasa Melayu . Secara praktikalnya, bahasa Melayu selalu meninggalkan perkataan 'punya' dalam ayat seperti 'rumah saya' tidak ditulis sebagai 'saya punya rumah'. Tetapi dalam bahasa Cina ayat ini harus berbunyi "我的屋子" 'wǒ de wūzi' iaitu 'saya punya rumah'. Ini amat mengelirukan pelajar-pelajar Melayu. Berikut adalah contoh-contoh yang dilakukan oleh subjek-subjek.

Saya /majlis harijadi/pun bermula.

1. 我 / 生 日 会 / 便 开 始 了 .

wǒ shēngrihui biàn kāishíle.

Dalam bahasa Cina ayat ini harus berbunyi

Saya punya/ majlis harijadi/ pun bermula.

我 (的)/ 生 日 会 / 便 开 始 了 .

wǒ de / shēngrihui/ biàn kāishíle.

Dalam bahasa Melayu ayat ini seharusnya berbunyi 'Majlis harijadi saya pun bermula'. Perkataan 'punya' boleh ditinggalkan. Tetapi dalam bahasa Cina jika perkataan "的" 'de' (punya) ditinggalkan ayat tersebut dikatakan sebagai ayat yang janggal.

4.3.1.2 Kurang Pengetahuan Mengenai Kegunaan Perkataan

Bahasa Melayu ialah bahasa aglutinatif yang cenderung menggunakan imbuhan iaitu terdapat awalan, akhiran dan sisipan. Imbuhan yang digunakan akan menukar sifat sesuatu perkataan . Misalnya kata nama boleh dijadikan kata kerja dan sebagainya. Bahasa Cina pula merupakan bahasa isolatif yang tidak menggunakan imbuhan . Bahasa Cina terdiri daripada kata akar dan gabungan kata akar. Oleh itu jika hendak menukar sifat daripada kata nama kepada kata kerja, kadang-kala harus menambahkan satu kata akar yang lain. Ini menyebabkan pelajar-pelajar Melayu selalu terlupa atau kekurangan pengetahuan tentang perkataan yang harus diguna.

Saya pergi/ telefon/ polis.

1. 我去 / 电话 / 警察 . Seharusnya
wǒ qù diànhuà jǐngchá

Saya pergi/ menelefon/ kepada poli.

我去 / (打) 电话 / (给) 警察 .

wǒ qù dǎ diànhuà gěi jǐngchá.

Dalam bahasa Melayu ayat ini boleh jadi 'saya menelefon polis'. Oleh sebab itu apabila subjek menulis dalam bahasa Cina "打" 'dǎ' dan "给" 'gěi' telah ditinggalkan.

Pada masa itu/ saya sedang/ mimpi.

2. 那时候 / 我在 / 梦 . Seharusnya

Nà shíhou / wǒ zài / mèng.

Pada masa itu/ saya sedang/ bermimpi.

那时候 / 我在 / (做) 梦 .

Nà shíhou wǒ zài zuòmèng.

Untuk menukar kata nama 'mimpi' kepada 'bermimpi', subjek harus menambahkan perkataan "做" 'zuò' yang membawa maksud 'buat'. Jika tidak, ayat itu menjadi ayat yang tidak lengkap.

4.3.1.3 Sikap Kelalaian

Perkataan tercicir juga disebabkan oleh sikap kelalaian subjek. Sebagai contoh :

Kemudian/ saya pun/ balik rumah.

1. 然 () / 我 就 / 回 家 .

Rán wǒ jiù huíjiā

Kemudian/ guru/ panggil saya/ keluar.

2. 然 () / 老 师 / 叫 我 / 出 去 .

Rán lǎoshī jiào wǒ chūqù

Perkataan 'kemudian' dalam bahasa Cina seharusnya "然后" 'ránhòu', tetapi subjek hanya menulis "然" 'rán' dan meninggalkan perkataan "后" 'hòu'. Namun demikian dalam ayat-ayat yang tertentu, subjek berjaya menulis "然后" 'ránhòu'. Ini mungkin kerana pada mulanya subjek lupa tentang perkataan "后" 'hòu', tetapi apabila dia meneruskan karangannya, dia telah berjaya mengingat kembali tetapi lupa mengisikan tempat kosong di atas. Kesilapan yang dilakukan dianggap sebagai kesilapan penampilan iaitu sebenarnya subjek telah menguasai sistem bahasa tersebut tetapi oleh sebab lalai atau terlupa mereka melakukan kesilapan.

4.3.1.4 Tidak Tahu Menulis Perkataan Berkenaan

Berlakunya keciciran perkataan juga disebabkan subjek tidak tahu menulis perkataan berkenaan atau terlupanya cara menulis perkataan tersebut. Sebagai contoh:

Saya/ternampak/jalanraya/ /kemalangan .

1. 我 /看到 /马路上 / () / 车祸 .

wǒ kàndào mǎlùshang chēhuò .

Ayat di atas tertinggalnya perkataan "发生" "fāshēng" iaitu 'berlaku'.

Saya dan abang/pergi/orang/kerana/hari ini/ialah/saya
2. 我 和 哥 哥 /去 /()/人 家 / 因 为 / 今 天 /是 /我 妈
wǒ hé gēge qù rénjiā yīnwèi jīntiān shì wǒ mā
emak/punya/ harijadi.

妈 / 的 /生 日 .

ma de shēngri

Ayat di atas pula tertinggalnya perkataan "邀请" "yāoqing" yang membawa maksud 'menjemput'.

Kedua-dua ayat di atas digolongkan sebagai keciciran perkataan kerana subjek belum lagi menguasai cara menulis perkataan tersebut ataupun mereka telah lupa

perkataan tersebut. Ini dapat dilihat dalam karangan subjek yang mengosongkan sesuatu ruangan tertentu bermakna subjek mengetahui tempat itu seharusnya diisi oleh sesuatu perkataan. Kesilapan ini boleh dikatakan sebagai kesilapan kemampuan, iaitu subjek-subjek belum menguasai sistem-sistem dan peraturan-peraturan bahasa sasaran tersebut.

4.3.2 Perkataan Yang Berlebihan

Perkataan yang berlebihan ialah perkataan yang tidak perlu dalam sesuatu ayat. Perkataan yang berlebihan yang dilakukan oleh subjek kebanyakannya merupakan unsur ulangan.

Saya menjemput/ banyak/ kawan-kawan.

1. 我请了 / 很多/ 朋友们.

wǒ qǐng le hén duō péngyoumen.

Perkataan "们" 'mén' di atas merupakan perkataan yang berlebihan, ini adalah kerana perkataan "们" 'men' merupakan perkataan majmuk jika menggunakan "很多" 'hén duō' (banyak). Perkataan "们" 'mén' tidak diperlukan lagi seperti juga dalam bahasa Melayu, kita guna 'banyak kawan' dan bukan 'banyak kawan-kawan'.

Saya/setiap kali mengenangkan/saya/ dahulu/ darjah tiga/ punya/satu perkara.

2. 我 / 每想起 / 我以前 / 三年级 / 的 / 一件事 .
wǒ méi xiāngqǐ wǒ yǐqián sānniánjí de yìjiānshì.

Perkataan "我以前" 'wǒ yǐqián' merupakan perkataan yang berlebihan di atas. Ini adalah kerana jika kita sebut 'setiap kali saya mengenangkan' sudah menyatakan sesuatu masa yang tertentu. Oleh itu perkataan "我以前" 'wǒ yǐqián' iaitu 'dahulu saya' boleh ditinggalkan. Kesilapan ini berlaku mungkin kerana dipengaruhi oleh struktur ayat bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu ayat ini akan berbunyi 'setiap kali saya mengenangkan perkara yang berlaku pada masa saya belajar di darjah tiga dahulu'.

Saya/ dalam hati/ fikir/ saya sangat gembira.

3. 我 / 心里 / 想 / 我很高兴 .

wǒ xīnli xiǎng wǒ hěn gāoxìng.

Ayat yang purna bentuk ialah "我 心 里 很 高 兴 " 'wǒ xīnli hěn gāoxìng'. Perkataan "想" 'xiǎng' dan "我" 'wǒ' merupakan perkataan berlebihan. Tanpa kedua-dua perkataan itu, kita masih faham apa yang hendak disampaikan oleh subjek.

Emak/ masak nasi/ bagi/kami/ makan nasi.

4. 妈 妈 / 煮 饭 / 给 / 我 们 / 吃 饭 .

Māma zhūfàn gěi wǒmen chīfàn.

Perkataan "饭" 'fàn' yang di akhir ayat itu merupakan perkataan berlebihan. Di depan subjek telah menyatakan bahawa 'emak masak nasi'. Oleh itu di belakang ayat itu hanya perlu menulis 'makan'. Pembaca boleh faham ianya adalah makan nasi.

Muka/ membawa/satu/senyuman.

5. 脸 上 / 带 着 / 一 个 / 笑 容 .

Liánshàng dài zhe yíge xiàoróng.

Perkataan "一个" 'yíge' merupakan perkataan yang berlebihan. Ini juga boleh dikatakan sebagai kesilapan penjodoh bilangan. "一个" 'yíge' membawa maksud 'seorang' atau 'satu'. 'Senyuman' dalam bahasa Cina tidak memerlukan penjodoh bilangan.

4.3.3 Kesilapan Struktur Ayat

4.3.3.1 Penggunaan Masa, Hari, Bulan dan Minggu Dalam Bahasa Cina

Dalam bahasa Melayu, penggunaan masa, hari, bulan dan minggu dalam ayat adalah berbeza daripada penggunaannya dalam bahasa Cina. Ini menyebabkan pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah dan melakukan kesilapan semasa menggunakananya dalam bahasa Cina. Sebagai contoh :

Hari sabtu/ di/ 5-3-94 / ialah/saya punya/ harijadi.

1. 星期六 / 在 / 5-3-94 / 是 / 我的生日 .

Xīngqīliù zài shì wǒ de shēngri.

Terdapat tiga kesilapan dalam ayat di atas. Pertama tarikh tidak seharusnya tulis dalam angka. Selain daripada itu, tahun harus ditulis di depan, diikuti dengan bulan dan hari. Oleh itu '5-3-94' seharusnya ditulis sebagai "一九九四年三月五日" 'Yíjiǔjiǔsìnian sānyuè wǔrì'. Kesilapan ketiga ialah minggu seharusnya letak di belakang tarikh dan meletakkan tanda koma di antara tarikh dengan minggu "一九九四年三月五日, 星期六" 'Yíjiǔjiǔsìnian sānyuè wǔrì xīngqīliù'. Ayat purna bentuk adalah seperti berikut:

1994 tahun 3 bulan 5 hari/hari sabtu/adalah/saya punya
harijadi.

一九九四年三月五日 / 星期六 / 是 / 我的生日。
Yījiǔjiújiǔsìnnián sānyuè wǔrì xīngqīliù shì wǒ de shēngrì.

Pukul sepuluh/ malam.

2. 十点 / 晚上 . Seharusnya
Shídiǎn wǎnshàng.

Malam / pukul sepuluh.

晚上 / 十点名 .
Wǎnshàng shídiǎn.

Pukul 2.30/ petang.

3. 2.30 / 下午 . Seharusnya
xiàwǔ.

Petang/ pukul dua setengah.

下午 / 两点半 .
Xiàwǔ liǎngdiǎn bàn.

Pukul lapan setengah/ malam .

4. 八点半 / 晚上 . seharusnya
Bādiǎn bàn wǎnshàng.

Malam / pukul lapan setengah.

晚上 / 八点半 .
Wǎnshàng bādiǎn bàn .

Susunan yang terbalik adalah dipengaruhi oleh struktur ayat dalam bahasa Melayu.

4.3.3.2 Susunan Kata Yang Terbalik Dalam Ayat

Bangun / pukul lapan.

1. 起身 / 八点钟 . seharusnya
Qǐ shēn bādiǎn zhōng.

Pukul lapan / bangun.

八点钟 / 起身 .

Bādiǎn zhōng qǐ shēn.

Melancung / di Genting Highland.

2. 旅行 / 在 / 云顶高原 . seharusnya
Lǚxíng zài Yúndǐnggāoyuán.

Di/Genting Highland/melancung.

在 / 云顶高原 / 旅行 .

zài Yúndǐnggāoyuán lǚxíng.

Balik rumah / nenek.

3. 回家 / 婆婆 . seharusnya
Huíjiā pópo.

Balik / nenek rumah.

回婆婆家 .

Huí pópo jiā.

Jalan / perlahan-lahan.

4. 走 / 慢 慢 . seharusnya

zǒu mǎnman.

Perlahan-lahan/jalan.

慢 慢 /走 .

mǎnman zǒu.

Saya / menangis di sekolah.

5. 我 / 哭 / 在 /学 校 . seharusnya

wǒ kū zài xuéxiào.

Saya / di sekolah / menangis.

我 /在 /学 校 /哭 .

wǒ zài xuéxiào kū.

Daripada kelima-lima contoh di atas, didapati setiap contoh mempunyai kesilapan susunan kata yang terbalik dalam ayat dari pelbagai aspek. Misalnya dalam contoh 1, kata masa dalam bahasa Cina seharusnya diletakkan di depan kata kerja, tetapi dalam bahasa Melayu adalah sebaliknya. Dalam contoh 2 dan 5 pula, kita dapati dalam bahasa Cina, jika 'preposition' "在" 'zài' diletakkan bersama-sama dengan objeknya akan membentuk 'prepositional construction'. 'Prepositional construction' ini berfungsi sebagai 'adverbial adjunct' dan sentiasa terletak di depan kata kerja. Bagi contoh 3 pula

"家 / 婆婆" 'jiā pópo' harus ditulis sebagai "婆婆家" 'pópo jiā' kerana dalam bahasa Cina 'attributive' harus diletakkan di depan kata nama. Bahasa Melayu adalah sebaliknya. Bagi contoh 4, kata sifat bahasa Cina seharusnya terletak di depan kata kerja. Tetapi bahasa Melayu adalah sebaliknya. Kesilapan ini merupakan pemindahan negatif dari bahasa Melayu kepada bahasa Cina. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar Melayu telah membuat terjemahan secara langsung daripada bahasa ibundanya. Ini dianggap sebagai kesilapan 'interlingual'.

4.3.3.3 Kesilapan Kekaburan Makna

Bapa/dan/emak/membeli/banyak/hadiah/dan/basikal/
kepada saya.

1. 爸爸 / 和 / 妈妈 / 买 / 很多 / 礼物 / 和 / 脚车 / 给我 .
Bàba hé māma mǎi hěn duō lǐwù hé jiāochē gěi wǒ.

"买很多礼物和脚车给我" 'mǎi hěn duō lǐwù hé jiāochē gěi wǒ' di sini menyebabkan kecaburan makna. Kita tidak pasti sama ada ibubapanya membeli banyak hadiah dan sebuah basikal atau banyak basikal juga. Jika subjek hendak menulis sebuah basikal, dia harus menambah penjodoh bilangan "一輛" 'yīliàng' di depan perkataan basikal.

Bapa/pun/membawa/anak/pergi/tengok/hospital.

2. 爸 爸 就 带 孩 子 去 看 医 院 。

Bàba jiù dài háizi qù kàn yīyuàn.

" 医 院 " 'yīyuàn' (hospital) di sini menimbulkan kecaburan. Kita tidak pasti sama ada bapa itu membawa anaknya berjumpa dengan doktor " 医 生 " 'yīshēng' atau hospital " 医 院 " 'yīyuàn'. Jika kita merujuk kepada ayat di depan dan ayat di belakang, sebenarnya subjek hendak menyampaikan maksud 'doktor' dan bukan 'hospital'. Kesilapan ini juga mungkin disebabkan oleh berlebihan perkataan " 看 " 'kàn' (tengok). Subjek mungkin hendak menulis " 爸 爸 就 带 孩 子 去 医 院 。 " 'bàba jiù dài háizi qù yīyuàn' (bapa pun membawa anak ke hospital). Oleh kerana pengkaji tidak dapat berjumpa dengan subjek, oleh itu, hanya dapat membuat rumusan yang munasabah.

Kedua-dua ayat di atas merupakan kesilapan tersembunyi. Jika dilihat secara kasar, kesilapan itu tidak jauh menyimpang tetapi apabila diteliti dengan cermat, kita dapati bahawa ayat itu tidak mematuhi kriteria kesesuaian kerana tidak dapat menyampaikan maksudnya dengan tepat. Walau bagaimanapun, jika kita membaca keseluruhan karangan tersebut, kita dapat

memahami maksud sebenar yang hendak disampaikan oleh subjek.

Dari aspek tatabahasa, pelajar-pelajar didapati mengalami kesulitan dalam membina ayat-ayat gramatik atau purna bentuk. Ini dapat dibuktikan melalui jadual 4.1 yang menunjukkan kesilapan tatabahasa merupakan kesilapan yang kedua besar dalam karangan iaitu 33.4% dan kesilapan yang tertinggi adalah menyusun semula ayat iaitu 81.3%.

Pada keseluruhannya, kesilapan-kesilapan tatabahasa mereka memperlihatkan tiga pola yang ketara. Pertama ialah pola yang dipengaruhi oleh bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu. Di sini, sekali lagi menunjukkan bahawa bahasa ibunda merupakan faktor utama yang menyebabkan kesilapan bahasa. Walau bagaimanapun, Jain (1974)⁷ dalam kajian fonetik mengenai bahasa Inggeris tidak bersetuju bahawa bahasa ibunda adalah punca utama menyebabkan berlakunya kesilapan. Kajiannya menunjukkan bahawa kelemahan penguasaan bahasa sasaran adalah akibat daripada terlalu banyak membuat generalisasi dan strategi pengajaran yang tidak betul. Dalam kajian Jones Idris Wyn (1959)⁸ ke atas kanak-kanak berumur 7 hingga 12

⁷ M. P. Jain. *Loc. Cit.*

⁸ I. W. Jones. *Loc. Cit.*

tahun, beliau juga menyimpulkan bahawa pengajaran guru-guru di sekolah-sekolah yang dikaji tidak produktif, kekurangan bahan pengajaran dan kanak-kanak tidak dilatih berfikir dalam bahasa sasaran menyebabkan kesilapan berlaku.

Kedua ialah pola yang dipengaruhi oleh ragam kolokial yang dipengaruhi oleh kaum etnik Cina. Walaupun corak kesilapan jenis ini tidak begitu ketara tetapi ini telah mempengaruhi situasi sosial terhadap pembelajaran bahasa. Daripada pemerhatian pengkaji semasa menjalankan kerja selidik, didapati bahawa kebanyakan pelajar-pelajar Melayu di sekolah rendah Cina fasih dalam penuturan bahasa Cina tetapi agak lemah dalam penulisan. Ini mungkin kerana bahasa Cina merupakan media komunikasi yang lazim digunakan dalam kehidupan sehari-hari di sekolah.

ketiga pula ialah subjek-subjek belum dapat menguasai perbendaharaan kata atau makna sesuatu perkataan dengan sepenuhnya. Mengikut sistem pengelasan Pit Corder(1973)⁹, subjek-subjek boleh dikatakan berada dalam peringkat kesilapan sistematik iaitu pelajar-pelajar telah membuat hipotesis yang kurang tepat terhadap aspek bahasa sasaran yang digunakan. Dengan

⁹ S. P. Corder. *Loc. Cit.*

kata lain, subjek-subjek belum menguasai sistem-sistem dan peraturan-peraturan bahasa sasaran. Subjek-subjek tidak dapat menguasai tatabahasa Cina kemungkinan besar adalah disebabkan oleh guru-guru belum mengajarnya atau menggunakan teknik pengajaran yang tidak begitu sesuai dalam penerangan bahasa Cina.

Jadual 4.9 : Kekerapan Kesilapan Tatabahasa Dalam Karangan Mengikut Darjah

Darjah	Perkataan Yang Tercicir	Perkataan Yang Berlebihan	Kesilapan Struktur Ayat	Jumlah
4	18	8	17	43
5	18	7	15	40
6	17	7	10	34
Jumlah	53	22	42	117

Jadual 4.10 : Kekerapan Kesilapan Menyusun Semula Ayat Dalam Kertas Peperiksaan Mengikut Darjah

Kekerapan Darjah	Jumlah Yang Salah	Jumlah Yang Betul	Jumlah
4	95	5	100
5	79	21	100
6	70	30	100
Jumlah	244	56	300

Jadual 4.9 menunjukkan bahawa subjek-subjek dalam darjah yang lebih tinggi lebih baik dalam bidang tatabahasa. Subjek-subjek darjah 6 hanya melakukan 34

kesilapan tatabahasa, manakala subjek-subjek darjah 5 dan darjah 4 melakukan 40 dan 43 kali masing-masing.

Jadual 4.10 pula menunjukkan bahawa subjek-subjek amat lemah dalam bidang tatabahasa. Jadual ini sekali lagi menunjukkan subjek-subjek yang berada di darjah yang lebih tinggi dapat menguasai tatabahasa dengan lebih baik. Dari 100 soalan yang dikaji, 20 subjek darjah 4 hanya dapat menyusun semula 5 ayat dengan betul, 95 daripadanya salah. Subjek-subjek darjah 5 pula melakukan 79 kesilapan dan darjah 6 melakukan 70 kesilapan. Pada keseluruhannya, kita dapati bahawa lebih daripada 80%, daripada ayat tidak dapat disusun semula oleh subjek-subjek.

4.4 Kesilapan Perbendaharaan Kata

Dalam aspek perbendaharaan kata, tiga jenis kesilapan dapat dikesan. Kesilapan-kesilapan tersebut adalah seperti berikut:

- a) Penggunaan perkataan yang tidak tepat atau perbendaharaan kata yang tidak lengkap.
- b) Penterjemahan perkataan bahasa Melayu secara langsung.
- c) penggunaan perkataan kolokial.

Jadual 4.11 : Kekerapan Kesilapan Perbendaraan Kata Dalam Karangan

Jenis Kesilapan Perbendaraan Kata	Penggunaan Perkataan Yang Tidak Tepat	Penterjemahan Perkataan BM Secara Langsung	Penggunaan Perkataan Kolokial	Jumlah
Kekerapan	26	8	20	54
Peratusan	48.2%	14.8%	37.0%	100%

Berdasarkan Jadual 4.11, kita dapatilah bahawa kebanyakan kesilapan perbendaharaan kata yang dilakukan oleh pelajar-pelajar adalah disebabkan mereka tidak mempunyai perbendaharaan kata yang sepadan. Oleh itu, kekerapan yang dilakukan ialah 26 kali (48.2%). Dengan kata lain, hampir setengah daripada kesilapan perbendaharaan kata adalah akibat dari subjek yang tidak mampu menguasai perbendaharaan kata yang sepadan. Sebab kedua ialah pengaruh dari penggunaan perkataan kolokial iaitu 20 kali (37%) dan penterjemahan perkataan bahasa Melayu secara langsung iaitu 8 kali (14.8%).

4.4.1 Penggunaan Perkataan Yang Tidak Tepat

Tan kali/ saya dan emak saya.

Seterusnya/ialah/saya dan emak.

接下 来 / 是 /我 /和 我 妈 妈 .

Jiěxiàlái shì wǒ hé wǒ māma.

Di/Kuala Lumpur/semua/kereta/berhenti.

2. 在/ 吉 隆 坡 /全 部 / 车 辆 停 . seharusnya

Zài Jílóngpō quánbù chēliàng tíng.

Kuala Lumpur/ kesesakan lalulintas.

吉 隆 坡 / 塞 车 .

Jílóngpō sāichē.

Oleh sebab subjek tidak mengetahui " 塞 车 "

'sāichē' (kesesakan lalulintas) dalam bahasa Cina.

Subjek terpaksa menulis "semua kereta berhenti".

Orang Bomba/sudah datang.

4. 救 火 人 来 了 . seharusnya

Jiùhuǒ rén láile.

Ahli bomba/sudah datang.

救 火 员 来 了 .

Jiùhuǒ yuán láile.

Di sini, hanya boleh menggunakan perkataan " 员 "

'yuán' (ahli) dan bukan "人" 'rén' (orang).

Semasa bangun/kami/tengok/kami/sedang berada/dalam hospital.

5. 醒来时 / 我们 / 看见 / 我们 / 就在 / 医院里。
xǐnglái shí wǒmen kànjiàn wǒmen jiù zài yīyuàn lǐ.

Seharusnya

Semasa bangun/kami/sedar/kami sedang berada/ di hospital.

- 醒 来 时 / 我 们 / 发 现 / 我 们 / 就 在 / 医 院 里 .
xǐng lái shí wǒmen fāxiǎn wǒmen jiù zài yīyuàn lǐ.

Perkataan "看 见" 'kànjiàn' (tengok) tidak sesuai dalam ayat ini tetapi subjek belum menguasai perkataan "发 现" 'fāxiàn' (sedar). Oleh itu, terpaksa menggunakan satu perkataan yang dianggap betul.

4.3.2 Penterjemahan Perkataan Bahasa Melayu Secara Langsung.

Bapa/membawa saya/balik rumah.

- 1 爸爸 / 带我 / 回家 : seharusnya

Bàba ná wó huíjiā.

Bapa/membawa saya/balik rumah.

爸爸 / 带 我 / 回 家 .

Bàba dài wǒ huíjiā.

Perkataan 'membawa' mempunyai banyak makna dalam bahasa Cina iaitu "拿" 'ná', "取" 'qǔ', "带" 'dài' dan sebagainya. Tetapi dalam bahasa Cina, ketiga-tiga perkataan ini membawa maksud yang berbeza dan digunakan di tempat yang berlainan. Seperti ayat di atas "拿" 'ná' adalah tidak sesuai.

Menonton/televisyen.

2. 看电视机 . seharusnya

Kàn diànshìjī.

Menonton/program televisyen.

看电视节目 .

Kàn diànshì jiému.

Dalam bahasa Melayu, menonton televisyen boleh diterima tetapi dalam bahasa Cina "看电视机" 'Kàn diànshìjī' membawa maksud menengok pada peti televisyen dan bukan programnya. Ini juga mungkin dipengaruhi oleh bahasa kolokial bahasa Cina. Dalam pertuturan, kebanyakan orang Cina menyebut "看电视机" 'Kàn diànshìjī'. Walau bagaimanapun, pengkaji menggolongkannya ke dalam pengaruh bahasa ibunda.

Kami/di/Genting Highland/duduk/dua hari.

3. 我们/在/云顶高原/坐了/两天 .

wǒmen zài Yúndǐnggāoyuán zuòle liángtiān.

seharusnya

Kami/di/Genting Highland/tinggal/dua hari.

我 们 / 在 / 云 顶 高 住 了 两 天 .

wǒmen zài Yúndǐnggāoyuǎn:zhùle liángtiān.

Dalam bahasa Melayu, 'duduk' juga membawa maksud 'tinggal' tetapi dalam bahasa Cina, kedua-dua perkataan "坐" 'zuò' dan "住" 'zhù' tidak boleh ditukargantikan.

4.4.3. Penggunaan Perkataan Kolokial

Hari ini/ada/baca buku.

1. 今 天 / 有 / 读 书 . seharusnya

Jīntiān yǒu dúshū.

Hari ini/ada/kelas.

今 天 / 有 / 上 课 .

Jīntiān yǒu shàng kè.

Pergi kakak/punya/kubur/pergi sembah dia.

2. 到 / 姐 姐 / 的 / 坟 墓 / 去 拜 她 . seharusnya

Dào jiějie de fénmù qù bài tā.

Pergi kakak/punya/kubur membersi tempat kubur.

到 / 姐 姐 / 的 / 坟 墓 / 扫 墓 .

Dào jiějie de fénmù sǎomù.

Pada malam/emak pun cakap dengan saya/dia tengok tidak ada.

3. 晚上时 / 妈妈就跟我说 / 她看没有 .

Wǎnshàng shí māma jiù gēn wǒ shuō tā kàn meiyǒu.

seharusnya

Sampai malam/emak pun memberitahu saya/dia tidak boleh nampak .

到了晚上 / 妈妈就对我说 / 她看不见了 .

Dàole wǎnshàng māma jiù duì wǒ shuō tā kàn bù jiànle.

Daripada contoh-contoh di atas, jelaslah bahawa subjek-subjek mempunyai idea tertentu tetapi tidak berupaya menghuraikannya secara jelas dan tepat kerana tidak mengetahui perkataan-perkataan yang sesuai dalam bahasa Cina. Oleh itu, mereka cuba memindahkan bahasa ibunda atau bahasa lisan ke dalam bahasa Cina formal dengan sewenang-wenangnya. Sebenarnya terdapat banyak ayat yang bertindih iaitu ayat tersebut terdapat kesilapan tatabahasa dan juga perbendaharaan kata. Oleh itu, pengkaji hanya menggolongkannya ke dalam salah satu bahagian.

**Jadual 4.12 : Kekerapan Kesilapan Perbendaharaan Kata
Dalam Karangan Mengikut Darjah**

Darjah	Penggunaan Perkataan Yang Tidak Tepat	Penterjemahan Perkataan Bahasa melayu Secara Langsung	Penggunaan perkataan kolokial	Jumlah
4	4	2	4	10
5	16	4	8	28
6	6	3	7	16
Jumlah	26(48.1%)	9(16.7%)	19(35.2%)	54

Merujuk kepada Jadual 4.12, hanya 16.7% kesilapan yang diakibatkan oleh gangguan bahasa ibunda, 35.2% disebabkan oleh pengaruh perkataan kolokial dalam bahasa Cina, 48.1% disebabkan oleh pengetahuan yang kurang sempurna tentang penggunaan perbendaharaan kata dalam bahasa Cina dan juga pengaruh dari pertuturan kawan Cina yang sedarjah dengan mereka. Ini selaras dengan pendapat sebanyak ahli-ahli analisis kesilapan iaitu walaupun terdapat pengaruh bahasa ibunda semasa mempelajari bahasa sasaran tetapi hanya sebahagian kecil sahaja yang melakukan kesilapan. Dalam 5 proses yang dikemukakan oleh Selinder (1972)¹⁰ terhadap bahasa antarabahasa beliau juga mendapati bahawa selain gangguan bahasa ibunda, pemindahan negatif dari latihan, strategi pembelajaran, strategi komunikasi bahasa sasaran dan

¹⁰ L. Selinker *Loc. Cit.*

eneralisasi yang berlebihan terhadap bahasa sasaran juga merupakan faktor yang penting.

.3.4 Perbandingan Antara Kesilapan Perbendaharaan Kata Mengikut Darjah

Jadual 4.13 : Kekerapan Kesilapan Pemilihan Frasa Dalam Kertas Peperiksaan Mengikut Darjah

Darjah	Jumlah Yang Salah	Jumlah Yang Betul	Jumlah
4	69	31	100
5	50	50	100
6	41	59	100
Jumlah	160	140	100

Dari jadual 4.12 Kekerapan kesilapan perbendaharaan kata yang paling tinggi ialah subjek darjah 5 iaitu 28 kali diikuti oleh subjek darjah 6 iaitu 16 kali dan subjek darjah 4 ialah 10 kali. Pada hakikatnya, jika seseorang pelajar telah lama belajar sesuatu bahasa, dia akan menguasai perbendaharaan kata dengan lebih baik. Tetapi daripada keputusan, kajian ini didapati subjek-subjek darjah 4 melakukan paling sedikit kesilapan. Ini tidak menunjukkan bahawa subjek-subjek darjah 4 menguasai perbendaharaan kata dengan paling baik, sebaliknya keadaan ini berlaku kerana karangan yang

dihasilkan oleh mereka adalah terlalu pendek jika dihasilkan oleh subjek-subjek darjah 5 dan 6. Oleh itu, kesilapan perbendaharaan kata pun kurang juga. Ini dapat dibuktikan dengan keputusan di jadual 4.13. Apabila mereka menjawab soalan objektif dalam kertas peperiksaan, didapati bahawa kekerapan kesilapan yang tertinggi adalah dilakukan oleh subjek darjah 4 iaitu 69 kali, diikuti oleh subjek darjah 5 iaitu 50 kali dan subjek darjah 6 iaitu hanya 41 kali sahaja. Dari sini jelas kelihatan subjek-subjek di darjah yang lebih tinggi dapat menguasai perbendaharaan kata dengan lebih baik.

4.5 Kesilapan Penjodoh Bilangan

Penjodoh bilangan ialah perkataan yang digunakan berpasangan dengan nama apabila menunjukkan bilangan. Hanya terdapat 5 kesilapan penjodoh bilangan yang dilakukan oleh subjek. Pengkaji akan membincangkan satu demi satu seperti berikut:

Empat buah/ kerja rumah/buat.

Empat jenis/kerja rumah/buah.

四 样 / 功 课 / 做 .

Sìyàng gōngkè zuò.

Kerja rumah tidak menggunakan 'buah' tetapi jenis subjek melakukan kesilapan kerana menyalahgunakan penjodoh bilangan 'buah' yang seharusnya diguna untuk 'buku kerja rumah'.

Satu/ekor/pencuri.

2. 一 只 / 小 偷 . seharusnya

yìzhī xiǎotōu.

Seorang/pencuri.

一 个 / 小 偷 .

yíge xiǎotōu.

Pencuri adalah 'orang' dan bukan binatang. Oleh itu tidak seharusnya menggunakan 'ekor'.

Sekeping/kebakaran.

3. 一 张 / 火 灾 . seharusnya

yìzhāng huǒzāi.

Satu/kebakaran..

一 场 / 火 灾 .

yícháng huǒzāi.

Dalam bahasa Melayu tidak memerlukan penjodoh bilangan bagi kebakaran. Bahasa Cina pula menggunakan "场" 'cháng' dan bukan "张" 'zhāng' (keping). Kesilapan ini berlaku adalah kerana bunyi kedua-dua perkataan itu adalah berdekatan.

Seorang/kereta yang baru.

4. 一个 / 新的车 . seharusnya
Yíge xīn de chē.

Sebuah/kereta yang baru.

一 辆 / 新的车 .
Yíliàng xīn de chē.

Seorang/hadiyah.

一个 / 礼物 . seharusnya
Yíge lǐwù.

Sebuah/hadiyah.

一件 / 礼物 .
Yíjiàn lǐwù.

Dari lima contoh di atas kita dapati bahawa subjek menggunakan penjodoh bilangan "个" 'gè' dalam contoh 4 dan 5. Ini mungkin kerana penjodoh bilangan "个" 'gè'

adalah amat biasa diguna dalam bahasa Cina "个" 'gè', penggunaannya berdekatan dengan penggunaan penjodoh bilangan 'buah' dalam bahasa Melayu. Penjodoh bilangan "个" 'gè' bukan sahaja diguna sebagai 'seorang' tetapi semasa menyebut "苹果" 'Píngguǒ' (apple), "故事" 'gùshì' (cerita), "星期" 'xīngqī' (minggu) juga boleh menggunakan "个" 'gè' seperti "三个苹果" 'sān gè píngguǒ', "一个故事" 'yí ge gùshì', "一个星期" 'yí ge xīngqī' dan perkataan-perkataan lain.

Skop penggunaan penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina adalah berlainan. Misalnya penjodoh bilangan "个" 'gè' dan 'buah' merupakan penjodoh bilangan yang digunakan paling meluas di kedua-dua bahasa masing-masing. Dalam bahasa Cina "个" 'gè' boleh diguna di hadapan kata nama seperti "老师" 'lǎoshī' (guru), "句子" 'jùzi' (ayat), "故事" 'gùshì' (cerita), "星期" 'xīngqī' (minggu) dan sebagainya. Dalam bahasa melayu keempat-empat kata nama tersebut menggunakan 4 penjodoh bilangan yang berlainan, iaitu 'orang' bagi guru, 'baris' bagi ayat 'buah' bagi cerita dan 'minggu' tidak memerlukan penjodoh bilangan. Dalam bahasa Melayu pula ,kereta, buku, hospital, meja, kerusi menggunakan penjodoh bilangan 'buah' tetapi bahasa Cina pula, penjodoh bilangan untuk kereta ialah "辆" 'liàng

', buku ialah "本" 'bēn' , hospital ialah "所" 'suǒ' , meja dan kerusi ialah "张" zhāng.

4.5.1 Perbandingan Antara Kesilapan Penjodoh Bilangan Mengikut Darjah.

Jadual 4.14 : Kekerapan Kesilapan Penjodoh Bilangan Dalam Karangan Mengikut Darjah.

Darjah	Kesilapan Penjodoh Bilangan
4	1
5	2
6	2
Jumlah	5

Jadual 4.15 : Kekerapan Kesilapan Penjodoh Bilangan Dalam Kertas Peperiksaan Mengikut Darjah

Darjah	Jumlah Yang Salah	Jumlah Yang Betul	Jumlah
4	58	42	100
5	33	67	100
6	37	63	100
Jumlah	129	172	300

Dari jadual 4.14, didapati bahawa jumlah kesilapan yang dilakukan oleh subjek dalam karangan mereka hanya 5 kali sahaja. Bilangan kesilapan yang begitu kecil adalah kerana mereka jarang menggunakan penjodoh bilangan dalam karangan yang dihasilkan. Kekerapan kesilapan yang tertinggi dilakukan oleh subjek darjah 5 dan 6 iaitu 2 kali, diikuti oleh subjek darjah 4 iaitu 1 kali.

Dari jadual 4.15 pula, keputusan adalah terbalik iaitu kekerapan kesilapan yang tertinggi dilakukan oleh subjek darjah 4 iaitu sebanyak 58 kali , diikuti oleh subjek darjah 6 iaitu sebanyak 37 kali dan akhirnya subjek darjah 5 iaitu sebanyak 33 kali. Boleh dikatakan bahawa peringkat darjah tidak mempengaruhi kesilapan penjodoh bilangan.